

03 NOV 1998

Mahathir-Telekomunikasi

FIRMA TELEKOMUNIKASI ASING MESTILAH SENSITIF KPD KEHENDAH TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan syarikat-syarikat telekomunikasi asing supaya tidak mengetepikan unsur nasionalisme, maruah dan sensitiviti rakyat tempatan apabila mereka memainkan peranan utama dalam industri telekomunikasi di negara-negara sedang membangun.

Beliau berkata rakyat tempatan menghargai penyertaan syarikat asing dalam bidang itu kerana negara memerlukan pelaburan besar-besaran, pertukaran teknologi canggih yang berterusan tetapi kerelaan mereka untuk mengorbankan kemerdekaan dan maruah negara tidak boleh diperkecilkan.

"Meskipun kerajaan mereka adalah pragmatik dan berharap untuk membuka pasaran seluas-luas mungkin untuk bersaing dengan negara lain di seluruh dunia, rakyat mungkin agak keberatan berbuat demikian," kata Dr Mahathir ketika merasmikan pameran Asean Telecom 98, dekat sini.

Beliau menambah jika pembukaan, misalnya, bermakna rakyat tempatan akan kehilangan pekerjaan mereka, maka rakyat akan keberatan.

"Kita sudahpun melihat perkara seperti ini berlaku di beberapa negara di mana penyusunan semula membabitkan pemberhentian pekerja. Ia tidak sepatutnya dibenarkan berlaku dalam industri telekomunikasi ketika negara-negara membuka peluangnya," katanya.

Dr Mahathir juga berkata dunia komunikasi dan pasaran maklumat ketika ini dianggarkan bernilai hampir AS\$1 trilion (AS\$1=RM3.80) dan pasaran-pasaran itu dikuasai oleh perkhidmatan yang menyumbang 80 peratus daripada pendapatan global.

Oleh itu, bagi mengekalkan kedudukannya dalam ekonomi maklumat sejagat dan terus bersaing, beliau berkata syarikat-syarikat tempatan di negara-negara sedang membangun mestilah bergerak dengan pantas untuk menyusun semula perniagaan dan perkhidmatan mereka, mengembangkannya ke luar negara, menguasai pasaran global dan menguasai jualan.

"Memandangkan kepada kegawatan kewangan ketika ini, peserta-peserta industri mestilah bersaing bagi pelaburan langsung asing industri komunikasi dan multimedia," kata Dr Mahathir.

Beliau juga berkata oleh kerana industri komunikasi semakin berkembang di peringkat antarabangsa, terdapat peluang luas untuk mengembangkannya ke pasaran baru dan menarik pelaburan langsung asing serta meluaskan jenis perkhidmatan pembekal.

Peluang-peluang itu akan memberi cabaran kepada negara-negara membangun terutama daripada segi peningkatan kecekapan industri komunikasi.

"Sehubungan itu, kerajaan bersedia untuk membentuk keutamaan nasional berasaskan pada perspektif global menerusi penubuhan lebih banyak rejim perdagangan dan pelaburan liberal bagi memaksimumkan industri komunikasi ke peringkat antarabangsa.

"Atas alasan itu langkah kerajaan membenarkan pelabur-pelabur asing meningkatkan pegangan mereka dalam syarikat komunikasi tempatan menunjukkan hasrat kita untuk memastikan sektor komunikasi akan meraih manfaat daripada pelaburan langsung asing di samping membolehkan syarikat tempatan memperolehi peluang eksport," kata Dr Mahathir.

Pameran Asean Telecom '98 dianjurkan oleh Telekom Malaysia Bhd dan dikendalikan oleh AMB Exhibitions Sdn Bhd. Pameran yang berlangsung selama tiga hari itu disertai oleh lebih 200 syarikat telekomunikasi dan teknologi maklumat dari 18 negara termasuk Malaysia.

-- BERNAMA

AD ZK MA NMO